

25 FEB 1999

Sabah-Chong

CHONG KAH KIAT KEMBALI KE ARENA POLITIK NEGERI

KOTA KINABALU, 25 Feb (Bernama) -- Senator Datuk Chong Kah Kiat hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kudat pada pilihan raya negeri 12 dan 13 Mac ini.

Chong yang juga presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) memberitahu pemberita selepas pulang dari Kuala Lumpur yang beliau telah mengemukakan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

"Beliau menghormati keputusan saya untuk meletakkan jawatan berkuatkuasa Isnin ini (1 Mac)," katanya.

LDP satu daripada sembilan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah.

Chong berkata mengikut perlembagaan Persekutuan dan Negeri beliau tidak perlu meletakkan jawatannya itu untuk bertanding bagi kerusi pilihan raya negeri.

Ditanya sama ada beliau kembali kerana berhasrat menjadi Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Chong berkata: "Saya tidak berniat menjadi Ketua Menteri... saya kembali bagi memastikan BN menang dan terus memerintah negeri ini demi kebaikan rakyat.

LDP merupakan antara parti yang mewakili 313,300 penduduk masyarakat Cina di Sabah dan sebelum ini mengikut sistem penggiliran jawatan itu Datuk Yong Teck Lee daripada Parti Maju Sabah (SAPP) sebuah lagi parti mewakili masyarakat Cina telah dilantik memegang jawatan Ketua Menteri.

Mengikut sistem penggiliran itu juga Tun Sakaran Dandai dan kemudiannya Datuk Salleh Tun Said memegang jawatan Ketua Menteri mewakili penduduk Bumiputera Islam manakala Ketua Menteri sekarang Tan Sri Bernard Dompok mewakili masyarakat Bumiputera Bukan Islam.

Mengenai peruntukan kerusi Dewan Undangan Negeri, Chong berkata Pengerusi BN negeri akan mengumumkan peruntukan itu selepas kata putus dicapai.

Selain LDP dan SAPP, dua parti dari Semenanjung iaitu MCA dan Gerakan juga mewakili masyarakat Cina di negeri itu.

Beliau dijangka bersempukan dengan lawan lamanya dalam LDP, Datuk Kong Hong Ming dalam pertandingan untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Kudat.

Chong yang pernah berkhidmat sebagai Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri semasa Datuk Harris Salleh menerajui negeri itu dari 1976 hingga April 1985 berkata, yang paling penting sekarang ialah anggota dan pemimpin-pemimpin BN bekerja sebagai satu pasukan.

Dalam pilihan raya 1995, Chong ditewaskan dalam pertandingan bagi kawasan Parlimen Marudu oleh Datuk Amir Kahar Tun Mustapha daripada PBS. Amir Kahar kini menyertai Umno.

Chong, dilantik sebagai senator dan Menteri persekutuan pada Jun 1995, dan telah berkata beliau akan terus kekal sebagai senator.

Chong berkata beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana menghormati keputusannya dan juga kerana memberikannya peluang untuk berkhidmat sebagai Menteri Persekutuan.

Mengenai peluangnya di Kudat, Chong berkata beliau percaya rakyat akan menyokong BN. "Saya sangat yakin bahawa saya akan berjaya di Kudat dan rakyat akan terus menyokong BN," katanya.

Mengenai bagaimana masyarakat Cina akan mengundi, Chong berkata beliau

percaya masyarakat itu sedar betapa pentingnya kestabilan politik dan mereka juga menghargai kerajaan BN.

"Mereka telah melihat sendiri pentingnya kerajaan BN yang baik dan hubungan baik negeri-persekutuan," katanya.

-- BERNAMA

EL PR